



SBPI Gombak disenaraikan sekolah terbaik di Selangor.

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Gombak mempergiatkan usaha pendedahan pelajar-pelajarnya ke peringkat antarabangsa ke arah menjadikan sekolah itu sebagai sumber rujukan.

Program 'Satu Pelajar Satu Projek' adalah modul dijalankannya dengan menyasarkan penglibatan pelajar ke peringkat antarabangsa sebelum menamatkan sesi persekolahan.

Antara yang telah ke tahap mencapai sasaran itu adalah di bawah projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang digerakkan sejak tahun 2014 melakar kejayaan dan pengiktirafan di dalam dan luar negara.

Seperti penghasilan Coco Tiles, Mangoilsteen dan Lemuni Hitam menggunakan subjek sains dan bahan kitar semula yang projek itu diteruskan pelajar-pelajar lain ke arah hak cipta produk.

Kerjasama melalui MoU dengan Universiti Malaya

merancakkan lagi modul R&D tersebut melalui perkongsian kepakaran dan penggunaan peralatan makmal yang boleh digunakan pelajar bagi menjalankan kajian.

Ternyata usaha sekolah yang melangkah setapak ke hadapan berbanding sekolah-sekolah lain bukan hanya menjadikannya berada di kelas tersendiri malah melahirkan pelajar berkualiti yang bersedia ke alam pekerjaan.

Pengetua Cemerlang SBPI Gombak, Nor Hayati Yusoff berkata, program dijalankan bertepatan aspirasi untuk melahirkan modal insan.

"Program R&D antara program silibus luar kelas sebagai nilai tambah kepada pelajar untuk mengembangkan idea dan mengetahui kelebihan diri tanpa mengehendkan atau menumpukan kepada satu perkara sahaja.

"Saya mahu memaksimumkan fungsi sekolah biar apa yang dipelajari membawa hasil melalui proses bermula peringkat daerah,



Peserta Science Research Conference 2018 antara SBPI Gombak dan Sekolah Seiko-Gakuin Jepun.



Nor Hayati sasar pencapaian pelajar dalam bidang akademik dan lain-lain.

negeri dan kebangsaan serta antarabangsa," katanya.

Katanya, pihak sekolah juga sedang giat membangunkan bidang robotik dan sukan catur yang menyasarkan pengukuhan antara dua hingga lima tahun akan datang.



Nor Hayati mengadakan perbincangan bersama guru-guru untuk satu program yang bakal diadakan dalam masa terdekat.

Tidak hanya dengan bidang tersebut, sekolah turut berpotensi dalam sukan dan debat.

"Tiga wakil sekolah telah mewakili negara ke pertandingan ragbi di United Kingdom baru-baru ini. Bola keranjang kita turut digeruni dan pelajar tingkatan 1 kita sedang digilap bakatnya dalam sukan catur bertanding

Profil

NAMA : Nor Hayati Yusoff

KELULUSAN : Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah (KPLI)

Perkhidmatan
SMK Pandamaran Jaya Klang (1992-1994)
Sekolah Menengah Sains Dungun, Terengganu (1994-1997)
SMK Agaseh, Lahad Datu, Sabah (1997-1999)
Sekolah Menengah Sains Miri, Sarawak (1999-2003)
Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya (2003-2008)
SBPI Gopeng, Perak (2008-2012)
Sekolah Menengah Sains Rembau, Negeri Sembilan (2012-2013)
Sekolah Menengah Sains Perempuan, Seremban (2013-2014)

Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu (2014-2017)
SBPI Gombak (2017- sekarang)

PENCAPAIAN :

2017 Anugerah Guru Cemerlang Daerah Hulu Terengganu
Anugerah Pengurusan Sekolah (Sekolah Menengah)
Pengetua Cemerlang
Pembestarian Sekolah Peringkat Kebangsaan.

Program sekolah / sahsiah pelajar

- 1) Setiap tahun khatam al-Quran
- 2) Projek mandi jenazah, imam solat jenazah
- 3) Solat berjemaah (lima waktu)
- 4) Hafalan dan Hafazan.
- 5) Kemahiran skil komunikasi Bahasa Inggeris.

SBPI GOMBAK

Dibuka: Februari 2003.

Moto : Benar, Tepat, Efektif

Lokasi : Batu 8, Jalan Sungai Pusu, Gombak KUALA LUMPUR, Selangor,

Pencapaian :

- 1) Anugerah Emas dan Perak Pertandingan International Engineering Invention Innovation Exhibition Envex (I-Envex) (2018)
- 2) Anugerah Pilihan Penonton Pertandingan Science Castle Universiti Putra Malaysia (UPM) (2018)
- 3) Tiga pelajar mewakili Malaysia dalam sukan ragbi ke United Kingdom (UR7's) (2018)
- 4) Johan Garage Band (2018)
- 5) Johan Anugerah Pembestarian Sekolah Peringkat Kebangsaan (2018)
- 6) Tokoh Nilam Negeri Selangor Bahasa Melayu (2017)
- 7) Johan Pertandingan Science Castle Singapura - Lemuni Hitam (2017)
- 8) R&D jubin lantai Coco Tiles peringkat antarabangsa Korea

peringkat kebangsaan di Sekolah Sains Kuala Selangor baru-baru ini.

"Pasukan debat menang peringkat kebangsaan dan terbaru di Pertandingan Debat Za'ba Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," katanya.

Katanya, banyak akses yang boleh digunakan dalam penyertaan pertandingan peringkat antarabangsa tanpa bergantung penuh di bawah program kerajaan.